



Malaysian National News Agency
BERNAMA.COM



- MAIN
- GENERAL
- POLITICS
- BUSINESS
- SPORTS
- FEATURES
- WORLD

May 12, 2010 19:47 PM

Firefly Tawar Tambang RM1 Sehala Pada Mdtf

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Syarikat penerbangan komuniti, Firefly, akan menawarkan pakej khas Percutian Keluarga Firefly dan tempahan mudah alih Firefly RM1 sehala pada Pameran Pelancongan Domestik Malaysia (MDTF) yang akan datang.

Pakej-pekej itu, yang hanya boleh dibeli pada pameran berkenaan, akan menampung kumpulan yang melakukan perjalanan bersama, sama ada keluarga, rakan, atau lawatan korporat/insentif serta kumpulan, katanya dalam satu kenyataan.

Tambang sehala RM1 itu adalah untuk semua destinasi domestik, kecuali penerbangan ke Langkawi.

Promosi itu mesti dibeli menerusi Firefly Mobile, aplikasi yang baharu diperkenalkan oleh Firefly.

MDTF akan berlangsung di sini dari 14 hingga 16 Mei.

"Tumpuan kami ialah untuk menggalakkan perjalanan keluarga dan atau kumpulan yang mampu untuk semua orang meneroka pelbagai jenis percutian yang luas dan eksotik di Malaysia," kata Angelina Fernandez, Ketua Bahagian Pemasaran dan Komunikasi Firefly.

Beliau berkata baucer hadiah Firefly bernilai RM50 akan diberikan kepada 100 pelanggan pertama pada Jumaat, 14 Mei, dan urutan percuma selama 10 minit oleh Kenko Spa bagi mereka yang membeli pakej-pakej yang ditawarkan itu.

Firefly berkata promosi berkenaan meliputi perjalanan bagi tempoh 14 Jun, 2010 hingga 26 Mac, 2011.

-- BERNAMA

We provide (subscription-based) news coverage in our [Newswire](#) service.

[Back](#) [Top](#)

Other News

- G15 Needs To Intensify Efforts In Capacity Building
- DPM To Launch FT-Level Juara Rakyat Programme On Saturday
- Roads Closure For Colours Of 1Malaysia 2010 Parade
- Two Key Red Shirt Leaders - Jatuporn And Natthawut Surrender To Police
- Ministry Disappointed With Poor Response To Speakers' Corner

advertisement

Advertise Here!
Please contact us for subscription
250 x 250 pixels